

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SELASA, 9 FEBRUARI, 1982

RAKYAT JADI KORBAN GOLONGAN FITNAH

RENCANA PENGARANG

MENABUR fitnah adalah kebiasaan golongan-golongan yang sentiasa tidak bersetuju dengan Kerajaan. Fitnah merupakan senjata paling mudah dan berkesan untuk mereka membohongi rakyat. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, mensifatkan mereka sebagai sampah masyarakat. Memandang akibat fitnah mereka itu kepada rakyat dan negara, ungkapan itu amatlah tepat.

Bagi golongan-golongan ini tidak ada suatu pun yang dilakukan oleh Kerajaan mendatangkan faedah kepada rakyat. Mereka mengutuk segala rancangan pembangunan, seperti pembinaan jalan kampung, pemberian subsidi, Risa, Felda, kurikulum 3M, penyamaan waktu, penggunaan sistem metrik dan sebagainya. Mereka juga mengutuk segala tindakan Kerajaan yang bertujuan memelihara ketenteraman, seperti ISA, Akta Universiti dan Kolej, Akta Kesatuan Sekerja dan peraturan-peraturan mengenai perdagangan dan pelaburan. Bagi mereka segalanya ini

adalah cara Kerajaan untuk membatasi kebebasan dan menekan rakyat.

Jika mereka tidak dapat mengutuk sesuatu secara langsung, mereka mengaitkannya dengan perkara-perkara lain yang boleh memburukkannya. Mereka, umpamanya, menuduh LUTH melabur dalam syarikat-syarikat arak dan judi. Mereka juga membuat fitnah bahawa masjid dan surau dibina oleh Kerajaan dengan hasil-hasil haram.

Jika Perdana Menteri mensifatkan golongan ini sebagai sampah masyarakat, mereka berikutnya telah menyebabkan rakyat yang terpengaruh benar-benar menjadi sampah. Untuk kepentingan mereka, sebilangan rakyat telah menjadi korban. Kita kerap mendengar peristiwa sengketa di kampung-kampung, pemuluan masjid dan surau dan sebagainya. Bukan sedikit rakyat yang terpengaruh tidak mahu menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, ataupun merosakkannya. Sebilangan rakyat lagi enggan

merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan.

Tetapi mereka juga berjaya menjatuhkan imej negara di luar negeri. Kini setengah-setengah golongan di luar negeri menganggap Malaysia telah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar, mengamalkan dasar menekan rakyat dan melanggar hak asasi manusia. Lebih malang lagi ialah di kalangan setengah pelabur asing, Malaysia kini dianggap sebagai tempat yang tidak selamat untuk melabur.

Kerajaan tentulah mengawasi setiap gerak-geri mereka. Tetapi rakyat sendiri harus pula berhati-hati dengan fitnah yang mereka taburkan. Menjadi tanggungjawablah kepada setiap pemimpin di semua peringkat menjelaskan kembali kepada rakyat perkara yang sebenarnya. Kewaspadaan di pihak rakyat bukanlah semata-mata untuk menyokong Kerajaan tetapi lebih dari itu untuk faedah diri sendiri — supaya kemajuan mereka tidak terhalang.